Kumaran a/l Sappani lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05–32 TAHUN 2007
SURIYADI, ABU SAMAH DAN AHMAD MAAROP HHMR
13 AUGUST 2009

Keterangan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Sama ada inferens bertentangan boleh dibangkitkan — Sama ada pendakwaan menyembunyikan saksi — Sama ada saksi ditawarkan kepada pembelaan — Sama ada budi bicara pendakwaan memutuskan saksi-saksi yang hendak dipanggil — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Sama ada keterangan saksi boleh diterima — Saksi mabuk pada masa kejadian membunuh tetapi masih boleh mengawal diri dan sedar apa yang berlaku — Sama ada saksi bercakap benar — Sama ada pemeriksaan balas menguatkan keterangan saksi dalam pemeriksaan utama — Sama ada saksi rakan jenayah atau aksesori selepas fakta — Sama ada ada keterangan bebas yang menyokong keterangan saksi — Sama ada munasabah dan selamat untuk menerima keterangan saksi

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada tuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan terbukti — Sama ada inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 berbangkit kerana tiada penyembunyian keterangan — Sama ada keterangan saksi utama pendakwaan boleh diterima walaupun mabuk semasa kejadian — Sama ada pembelaan berupa penafian dan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Tuduhan membunuh — Sama ada mens rea wujud — Kecederaan parah dialami oleh si mati di bahagian kepalanya — Sama ada kecederaan dilakukan dengan niat membunuh si mati

Perayu telah dituduh membunuh Suppiah Kamaraj ('si mati'), satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Saksi utama bagi pihak pendakwaan ialah SP12. Menurut SP12, pada malam berkenaan, dia bersama-sama dengan perayu, abang perayu ('SD2'), si mati dan Lim Tee San ('Lim') telah pergi makan dan minum arak. Hampir tengah malam, mereka pulang ke rumah menaiki trak pick-up yang dipandu oleh perayu. Lim duduk di sebelah perayu. Si mati berbaring di tempat duduk di kabin di

belakang tempat duduk hadapan pick-up tersebut. Manakala SP12 dan SD2 baring di belakang pick-up — iaitu di tempat yang tidak bertutup. Pada suatu ketika semasa perjalanan itu, SP12 berasa pick-up tersebut terhoyong-hayang. SP12 percaya pick-up tersebut ikut jalan track dan sedang melalui satu kawasan gelap. Apabila tiba di suatu tempat, pick-up tersebut berhenti. SP12 telah meninggikan kepalanya dan melihat perayu berdiri di luar pick-up tersebut di sebelah kanan si mati sambil menghayun satu objek beberapa kali ke dalam kabin di mana si mati sedang baring, dan ini diikuti oleh jeritan — 'ayo', 'ayo'. Ketika itu pintu kanan dan kiri kabin tersebut terbuka. Si mati terbaring di tempat duduk dalam kabin itu dengan kepalanya menghala ke pintu kanan. Kemudian SP12 nampak Lim, SD2 dan perayu mengangkat si mati keluar dari kabin pick-up tersebut dan meletakkannya di tepi jalan. Mereka kemudian telah beredar dari situ. Pakar bedah forensik (SP6) berpendapat bahawa punca kematian ialah hentakan di bahagian tepi kepala sebelah kiri si mati. Perayu dalam pembelaannya menafikan yang dia telah membunuh si mati. Menurut perayu pada lebih kurang jam 12.30 pagi, perayu telah menurunkan si mati (yang pada masa itu mabuk) di kawasan kedai todi di Selama, Perak kerana si mati hendak turun di situ. Menurut perayu, selepas itu dia, SD2, Lim dan SP12 telah balik ke rumah perayu. Peguam perayu berhujah bahawa keterangan SP12 tidak boleh dipercayai kerana pada masa yang material, SP12 berada dalam keadaan mabuk. Peguam juga berhujah bahawa keterangan SP12 tidak disokong. Lim tidak dapat dikesan semasa perbicaraan. Walau bagaimanapun, penyataan Lim di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah (D4) telah dikemukakan di peringkat kes pihak pendakwaan sebagai ekshibit pihak pembelaan. Di akhir kes, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Justeru, rayuan ini oleh perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Memandangkan kecederaan parah yang dialami oleh si mati di bahagian kepalanya, tidak syak lagi bahawa sesiapa yang menyebabkan kecederaan yang membawa maut itu telah melakukannya dengan niat untuk membunuh si mati (lihat perenggan 6).

(2) Inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dibangkitkan di atas kegagalan pihak pendakwa memanggil atau menawarkan Lim kepada pihak pembelaan. Inferens bertentangan di bawah s 114(g) hanya boleh dipakai jika terdapat penyembunyian keterangan, bukan semata-mata kerana kegagalan mendapatkan keterangan. Dalam kes ini tidak terdapat keterangan yang menunjukkan penyembunyian fakta oleh pihak pendakwa. Malahan D4 telah dikemukakan sebagai ekshibit pihak pembelaan. Tambahan lagi, dalam kes jenayah, dengan syarat tidak terdapat motif yang salah,

pihak pendakwaan mempunyai budi bicara untuk memutuskan tentang saksi-saksi mana yang hendak dipanggilnya (lihat perenggan 7).

(3) Walaupun SP12 mabuk pada masa yang material, dia masih boleh mengawal dirinya dan sedar serta tahu apa yang berlaku di sekelilingnya. SP12 adalah saksi yang bercakap benar. Ketelusan dan kejituan SP12 memberitahu mahkamah apa yang telah disaksikannya terserlah apabila keseluruhan keterangannya dinilai. Tidak didapati apa-apa yang menunjukkan bahawa SP12 sengaja menokok tambah keterangannya untuk menguatkan lagi kes pihak pendakwaan. Pemeriksaan balas SP12 sebenarnya menguatkan lagi keterangannya dalam pemeriksaan utama bahawa dia nampak perayu menghayun suatu objek ke dalam kabin beberapa kali (lihat perenggan 9 & 13).

(4) SP12 bukan seorang rakan jenayah ataupun aksesori selepas fakta yang memerlukan keterangannya disokong. Walaupun demikian, terdapat keterangan bebas yang menyokong keterangan SP12. Keterangan tambahan tersebut menguatkan keterangan SP12 dan menjadikannya selamat untuk mahkamah bertindak ke atasnya (lihat perenggan 14, 15–16)

(5) Keterangan SD2 tidak benar dan jelas menunjukkan bahawa SD2 ingin menyelamatkan perayu (adiknya) daripada tuduhan (lihat perenggan 23).

(6) Pembelaan perayu berupa penafian dan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah bagi kesalahan membunuh. Sabitan terhadap perayu adalah selamat (lihat perenggan 24–25).

[English summary

The appellant was charged for the murder of Suppiah Kamaraj ('the deceased'), an offence punishable under s 302 of the Penal Code. The main witness for the prosecution was SP12. According to SP12, on that particular night, he and the appellant, the appellant's brother ('SD2'), the deceased and Lim Tee San ('Lim') had gone to eat and drink liqour. About midnight, they returned home by a pick-up truck driven by the appellant. Lim sat beside the appellant. The deceased was lying down on the seat in the cabin behind the front seat of the said pick-up. SP12 and SD2 were lying down behind the pick-up — ie which was uncovered. During the journey, SP12 felt the pick-up move left and right. SP12 believed that the said pick-up followed the road track and was driving through a dark area. When it reached a certain place, the said pick-up stopped. SP12 raised his head and saw the appellant standing outside the said pick-up on the right side of the deceased and swaying an object a few times into the cabin where the deceased was lying, and this was followed by a shout — 'ayo', 'ayo'. At that moment the door on

the right and left side of the cabin opened. The deceased was lying in the seat of the cabin with his head facing the door on the right. Then SP12 saw Lim, SD2 and the appellant carrying the deceased out of the cabin of the said pick-up and placed him by the road side. They later left the area. The forensic expert surgeon (SP6) was of the opinion that the cause of death was a blow on the left side of the deceased's head. The appellant in his defence denied that he murdered the deceased. According to the appellant at about 12.30am, the appellant had dropped off the deceased (who was drunk at that time) at a toddy shop in Selama, Perak as the deceased wanted to stop there. According to the appellant, thereafter the appellant, SD2, Lim and SP12 went back to the appellant's house. Counsel for the appellant submitted that SP12's evidence was not credible as at the material time, SP12 was drunk. Counsel also submitted that SP12's evidence was not corroborated. Lim could not be traced during the trial. However, Lim's statement under s 112 of the Criminal Procedure Code (D4) was produced during the prosecution's case as the defence's exhibit. At the end of the case, the trial judge found that the prosecution had established a case against the appellant without a reasonable doubt. The appellant was convicted and sentenced to death. Hence, this appeal by the appellant.

Held, dismissing the appellant's appeal:

(1) Looking at the severe injury suffered by the deceased on his head, there is no doubt that whoever caused the said injury amounting to death had committed it with an intent to murder the deceased (see para 6).

(2) An adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 cannot be raised due to the prosecution's failure to call or offer Lim to the defence. An adverse inference under s 114(g) is only applicable if evidence was concealed, not only because of failure to obtain evidence. In this case there was no evidence that showed that the prosecution had concealed any facts. As such D4 was produced as the prosecution's exhibit. Moreover, in criminal cases, provided that there is no ulterior motive, the prosecution has a discretion to decide on which witnesses to call (see para 7).

(3) Although SP12 was drunk at the material time, he still could control himself and was aware and knew what was happening around him. SP12 was a credible witness. SP12's clarity and consistency in telling the court what he had witnessed was evident when his overall testimony was evaluated. Nothing showed that SP12 purposely added on to his testimony to further strenghthen the prosecution's case. SP12's cross-examination in fact strenghthened his testimony in the main examination that he saw the appellant swaying an object into the cabin several times (see paras 9 & 13).

(4) SP12 was not an accomplice or an accessory to a fact that needed his testimony supported. Nevertheless, there was independant evidence which supported SP12's testimony. The additional evidence strenghthened SP12's testimony and made it safe for the court to act upon it (see paras 14, 15–16).

(5) SD2's testimony was not true and clearly showed that SD2 intended to save the appellant (his brother) from the charge (see para 23).

(6) The appellant's defence was a denial and failed to raise a reasonable doubt upon the prosecution's case. The prosecution had succeeded in proving their case against the appellant without a reasonable doubt for the offence of murder. The conviction against the appellant was safe (see paras 24–25).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 176.

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 172–189.

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2673–2688.

Untuk kes-kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1520–1579.

Kes-kes dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16, MA (dirujuk)

Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 AMR 2611, MR (dirujuk)

Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143, MT (dirujuk)

Bhojraj v Sitaram AIR 1936 PC 60 (dirujuk)

Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)

De Silva v PP [1964] MLJ 81, MT (dirujuk)

R v Baskerville [1916] 2 KB 658, MR (dirujuk)

Francis Anthonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 AMR 750, MP (dirujuk)

Harcharan Singh & Anor v PP [2005] 1 MLJ 593; [2005] 1 CLJ 11, MR (dibeza)

Kenneth Fook Mun Lee v PP [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359, MP (dirujuk)

Mohd Shamsir b Md Rashid v PP [2008] 5 AMR 29, CA (dirujuk)

Muniandy & Ors v PP [1966] 1 MLJ 257, MP (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

PP v Awang Raduan Awang Bol [2005] 1 CLJ 649, MP (dirujuk)

PP v Awang Raduan bin Awang Bol [1998] 5 MLJ 460, MT (dirujuk)

Ryan v Jarvis [2005] UKPC 27, PC (dirujuk)

Teoh Hoe Chye v PP; Yeap Teong Tean v PP [1987] 1 MLJ 220, MA (dirujuk) A
Yap Ee Kong & Anor v PP [1981] 1 MLJ 144, MP (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 32(1)(i), 114(g)
Kanun Keseksaan ss 34, 302 B
Kanun Prosedur Jenayah s 112

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–01 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Taiping)

C

Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak perayu.
Manoj Kurup (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

D

PERTUDUHAN

[1] Perayu, tertuduh pertama di Mahkamah Tinggi (disebut sebagai 'T1' dalam penghakiman hakim Mahkamah Tinggi) dan abangnya Poopalasingam E
(disebut sebagai 'T2' dalam penghakiman hakim Mahkamah Tinggi) telah dituduh bersama-sama membunuh Suppiah Kamaraj (si mati) dalam melaksanakan niat bersama mereka, di antara lebih kurang pukul 11.30 malam 21 Mei 2003 hingga lebih kurang pukul 7 pagi 22 Mei 2003, di Ladang Gagoss Sdn Bhd, Jalan Lampin, Selama, Perak, iaitu, satu kesalahan F
yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama.

[2] Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim Mahkamah Tingi (hakim bicara) mendapati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes prima G
facie terhadap perayu. Walau bagaimanapun hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan unsur niat bersama seperti yang ditakrifkan di bawah s 34 Kanun Keseksaan untuk mengaitkan tertuduh kedua. Oleh itu tertuduh kedua telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Hakim bicara telah memanggil perayu membela dirinya H
terhadap pertuduhan pindaan bahawa dia telah membunuh Suppiah Kamaraj pada masa dan di tempat sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan asal, iaitu, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Perayu telah memberikan keterangan secara bersumpah dan memanggil tertuduh kedua (SD2) untuk memberi keterangan bagi pihak I
pembelaan. Di akhir kes, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Perayu telah didapati bersalah atas kesalahan membunuh dan dijatuhkan hukuman mati mandatori yang diperuntukkan di bawah s 302

A Kanun Keseksaan. Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

KES PIHAK PENDAKWAAN

B **[3]** Saksi yang menjadi tunggak utama kes pihak pendakwaan ialah Zainol bin Saad (SP12) juga dikenali sebagai 'Non' oleh tertuduh kedua dalam percakapan beramaran yang mereka (masing-masingnya D2 dan D3) yang telah dikemukakan oleh mereka di peringkat kes pendakwaan. SP12 bekerja sebagai pencuci kereta di syarikat mencuci kereta kepunyaan SP5, iaitu bapa perayu. Dalam keterangannya SP12 menyatakan bahawa pada lebih kurang C jam 5.50 petang 21 Mei 2003, semasa dia berada di kedai mencuci kereta SP5, perayu telah datang dan mengajaknya membersihkan kawasan tapak baru kedai tuak (todi) kepunyaan SP5 di Selama, Perak. Berikutan itu, SP12, perayu, tertuduh kedua, Lim Tee San (Lim) dan SP5 telah bertolak ke Selama D dengan menaiki trak pick-up TATA berwarna putih ('pick-up tersebut'). Apabila sampai di Serdang, Kedah mereka telah berhenti untuk menurunkan SP5. Kemudian, mereka berempat meneruskan perjalanan ke Selama. Apabila sampai ke tapak baru kedai tuak tersebut, SP12 dan tertuduh kedua telah turun dan mula membersihkan semak. Sementara itu perayu E memberitahu SP12 bahawa dia hendak pergi mengambil si mati. Perayu bersama-sama Lim beredar dengan menaiki pick-up tersebut. Kira-kira 20 minit kemudian, perayu, Lim dan si mati tiba di tapak kedai todi tersebut dan mereka berlima telah bekerja membersihkan kawasan belukar di tapak baru kedai tuak itu. Selepas membersihkan kawasan kedai tuak itu mereka F telah minum wiski. Selepas azan Maghrib, mereka berlima telah bertolak ke kedai makan di Selama, Perak dengan menaiki pick-up tersebut yang dipandu oleh perayu. Apabila sampai di kedai itu, mereka berlima telah makan di situ. Dari kedai tersebut, kira-kira jam 9 malam, mereka telah bertolak dan pergi ke kedai makanan laut di Serdang, Kedah. Di kedai makanan laut itu, mereka G telah makan lagi dan minum wiski. Perayu yang belanja makan. Yang minum wiski ialah SP12, tertuduh kedua dan si mati. Manakala perayu dan Lim minum minuman biasa. Hampir tengah malam, mereka berlima beredar dari kedai makanan laut tersebut. Pada masa itu si mati berada dalam keadaan mabuk. Dari kedai tersebut mereka menuju ke Selama semula. Perayu H memandu pick-up tersebut. Lim duduk di sebelah perayu. Si mati berbaring di tempat duduk di kabin di belakang tempat duduk hadapan pick-up tersebut. Manakala SP12 dan tertuduh kedua baring di belakang pick-up — iaitu di tempat yang tidak bertutup. Apabila sampai di jambatan Selama, di satu kawasan dalam negeri Perak, SP12 terkejut bila terdengar pintu pick-up I tersebut ditutup dengan kuat. SP12 bangun dan nampak ada sekatan jalan raya polis. Sejurus kemudian, pick-up tersebut pun bergerak semula. Menurut SP12, dia rasa pick-up tersebut terhoyong-hayang. SP12 percaya pick-up tersebut ikut jalan track dan sedang melalui satu kawasan gelap. Apabila tiba di suatu tempat, pick-up tersebut berhenti. Bila pick-up tersebut

berhenti SP12 telah meninggikan kepalanya dan melihat kawasan keliling yang kelihatan gelap. Daripada cahaya lampu parking pick-up tersebut SP12 nampak perayu yang sedang berdiri di luar pick-up tersebut di sebelah kanan si mati, menghayun satu objek (sama ada kayu atau besi lebih kurang sekaki panjang) beberapa kali ke dalam kabin di mana si mati sedang baring, dan ini diikuti oleh jeritan — 'ayo', 'ayo'. Ketika itu pintu kanan dan kiri kabin tersebut terbuka. Si mati terbaring di *seat* dalam kabin itu dengan kepalanya menghala ke pintu kanan. Pada masa itu Lim berdiri di sebelah kiri pick-up di hujung kaki si mati. Manakala tertuduh kedua pula berada di belakang pick-up tersebut bersama SP12. Selepas perayu menghayun objek tersebut beberapa kali, SP12 dengar Lim berteriak kepada tertuduh kedua 'Ane mari tolong angkat'. Kemudian SP12 nampak Lim, tertuduh kedua dan perayu mengangkat si mati keluar dari kabin pick-up tersebut dan meletakkannya di tepi jalan. Tempat itu adalah kawasan estet. Selepas si mati diletakkan di tepi jalan itu, perayu telah memandu pick-up tersebut dengan Lim di sebelahnya dan beredar dari situ. Tertuduh kedua duduk di belakang pick-up tersebut bersama SP12.

[4] Pada 22 Mei 2003 lebih kurang pukul 7 pagi, semasa L/Kpl 109351 Mohd Asri bin Salleh (SP3) sedang melakukan rondaan di kawasan Pekan Selama, seorang lelaki India telah datang kepadanya dan memberitahu bahawa ada orang terbaring di Jalan Lampin. SP3 telah bergegas ke Jalan Lampin (tempat kejadian) dan mendapati si mati tertiarap di tepi jalan di hadapan Ladang Gagoss, Selama. SP3 telah memaklumkan apa yang ditemuinya itu kepada Kpl 88813 Mohd Nasir (SP2). Maklumat tersebut telah dijadikan *first information report* (Selama Report No 316/03) oleh SP2.

[5] Pada 23 Mei 2003, lebih kurang pada 12.15 tengahari pakar bedah forensik Dr Mohammad Shafie Othman (SP6) telah menjalankan post mortem ke atas mayat si mati. Dalam pemeriksaan luaran yang dijalankannya SP6 mendapati beberapa kecederaan parah di bahagian kepala si mati seperti berikut:

(a) Luka koyak pada bahagian hadapan kepala sebelah kanan, berbentuk 'L' berukuran 4 x 3sm. Di dalam luka ini kelihatan tulang tengkorak yang telah retak.

(b) Luka koyak berukuran 4.7 x 0.8sm, terletak 0.7sm di belakang kecederaan (a).

(c) Luka koyak berukuran 2.8 x 0.5sm terletak pada bahagian pelipis kanan kepala, 5.5sm di atas telinga kanan.

(d) Luka koyak berbentuk bintang (stelate shape) di belakang kepala sebelah kanan berukuran 3.5 x 1.5sm.

(e) Dua luka lecet yang selari, 6.5sm di antaranya, tersusun secara mendatar di belakang kepala, masing-masing berukuran 5sm dan 4sm panjang.

(f) Luka koyak pada pelipis kiri kepala berukuran 3.1 x 0.3sm, disertai dengan luka lecet di bawahnya berukuran 2.7 x 1.2sm. Di dalam luka koyak ini, tulang tengkorak telah patah terbenam dan cebisan otak dilihat keluar daripada celah-celah tulang yang patah.

(g) Luka koyak di bawah dagunya berukuran 4.5 x 1.9sm. Di hujung luka di sebelah kanan, terdapat luka melecet yang bersambung daripadanya berukuran 6.5sm panjang.

Dalam pemeriksaan dalaman yang dijalankannya, SP6 mendapati bahawa tulang tengkorak kepala si mati telah patah terbenam pada bahagian tepi sebelah kiri dan dari situ keretakan dilihat telah mengunjur ke hadapan dan ke kanan hingga ke tulang dahi sebelah kanan melalui dasar tulang tengkorak. Otaknya telah lebam dan koyak pada bahagian sebelah kiri, betul-betul di bawah luka luaran No (f) yang telah dinyatakan. Lebam juga kelihatan di bahagian bawah tepi otak kanan. Menurut SP6, luka No (f) itu telah menyebabkan tengkorak si mati patah terbenam sekali gus mengoyakkan otaknya di bahagian tersebut sehingga menyebabkan kematian. SP6 berpendapat bahawa dalam keadaan biasa kecederaan seperti ini adalah cukup untuk menyebabkan kematian. SP6 juga berpendapat bahawa punca kematian ialah hentakan di bahagian tepi kepala sebelah kiri si mati yang disebabkan oleh hentakan suatu objek yang tumpul, keras dan mempunyai segi seperti batu, kayu atau besi.

HURAIAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[6] Dalam penghakiman kami memandangkan kepada kecederaan parah yang telah dialami oleh si mati di bahagian kepalanya terutama tulang tengkorak yang patah terbenam sehingga cebisan otak dilihat keluar dari celah-celah tulang yang patah itu, tidak syak lagi bahawa sesiapa yang menyebabkan kecederaan tersebut yang membawa maut telah melakukannya dengan niat untuk membunuh si mati. Persoalan yang timbul dalam kes ini ialah siapakah yang telah menyebabkan kecederaan tersebut?

[7] Untuk menjawab soalan tersebut dan membuktikan bahawa perayulah yang telah menyebabkan kecederaan tersebut, pihak pendakwa bergantung kepada keterangan SP12. Oleh itu tidaklah menghairankan jika dalam pendengaran di hadapan kami peguam perayu telah menumpukan keseluruhan hujahnya mempertikaikan keterangan SP12. Teras hujah peguam perayu ialah bahawa keterangan SP12 tidak boleh dipercayai dan telah menimbulkan keraguan yang serius dalam kes pihak pendakwa. Menurut peguam, ini adalah kerana pada masa yang material, SP12 berada

dalam keadaan mabuk. Peguam juga berhujah bahawa keterangan SP12 memerlukan sokongan dan keterangan sokongan itu tidak ada dalam kes ini.

Menurut peguam, keterangan sokongan tersebut sepatutnya boleh didapati daripada keterangan Lim tetapi dia telah tidak dapat dikesan oleh pihak pendakwa. Lim telah ditangkap pada 22 Mei 2003 dan telah ditahan reman oleh polis selama 14 hari sebelum dibebaskan. Sehingga perbicaraan di Mahkamah Tinggi Lim masih tidak dapat dikesan. Walau bagaimanapun atas permohonan peguam perayu, penyataan Lim di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah (D4) telah dikemukakan di peringkat kes pihak pendakwaan sebagai ekshibit pihak pembelaan di bawah s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Ketika menolak pemakaian *adverse inference* di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 di atas kegagalan pihak pendakwa memanggil atau menawarkan Lim kepada pihak pembelaan, hakim bicara memutuskan:

> Sebelum s 114(g) Akta Keterangan terpakai pihak pembelaan perlu menunjukkan adakah lompang (gap) telah wujud dalam kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil memberi keterangan. Ini gagal dilakukan oleh pihak pembelaan. Sebaliknya kenyataan D4 oleh Lim menyokong keterangan SP12 mengenai rentetan kejadian pada hari kejadian. Cuma apabila sampai di peringkat pembunuhan si mati, Lim menjauhkan dirinya (distant himself away) daripada kejadian itu. Beliau memberitahu beliau telah diturunkan di satu tempat kerana T1 hendak menghantar si mati ke rumah kongsi. T2 dan SP12 ikut serta dengan T1. Ini tidak membantu kes pembelaan. T1 sendiri tidak ada pada bila-bila masapun melibatkan peranan Lim dalam kejadian tersebut.
>
> Berdasarkan alasan-alasan di atas saya menolak pemakaian s 114(g) Akta Keterangan ke atas kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil atau ditawarkan secara fizikal kepada pihak pembelaan.

Kami bersetuju dengan keputusan hakim bicara itu. Pertamanya, *adverse interence* di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 hanya boleh dipakai jika terdapat penyembunyian keterangan, bukan semata-mata kerana kegagalan mendapatkan keterangan (lihat *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 (MA); *Mohd Shamsir b Md Rashid v Public Prosecutor* [2008] 5 AMR 29). Dalam kes ini tidak terdapat keterangan yang menunjukkan penyembunyian fakta oleh pihak pendakwa. Malahan pernyataan Lim di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah telah dikemukakan sebagai ekshibit pihak pembelaan. Kedua, dalam kes jenayah, dengan syarat tidak terdapat motif yang salah, pihak pendakwaan mempunyai budi bicara untuk memutuskan tentang saksi-saksi mana yang hendak dipanggilnya. Walau bagaimanapun budi bicara tersebut tertakluk kepada batasan yang amat asas, iaitu bahawa pihak pendakwa mestilah mengemukakan semua keterangan yang perlu untuk membuktikan kesnya terhadap orang kena tuduh (lihat *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16 di ms 19 (MA). Sehubungan ini dalam kes *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor; Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220, di ms 229, Mahkamah Agong menyatakan:

A Nevertheless, the decision whether to call or not to call a witness including a witness from whom a statement has been taken is always the right of the prosecution (*Abdullah Zawawi v Public Prosecutor*). Insofar as the trial court is concerned, its duty essentially is to decide whether on the evidence before it the prosecution has proved its case, and if there are unsatisfactory features in the B prosecution case to determine whether, in the light of such features, the prosecution case fell short of proof beyond reasonable doubt (*Abdullah Zawawi*'s case).

Dalam kes ini kami tidak mendapati sebarang ciri-ciri yang tidak memuaskan C seperti yang disebutkan itu. Seperti yang jelas dalam penghakiman ini nanti kami berpuas hati bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu.

D **[8]** Persoalan utama dalam kes ini ialah sama ada hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau menerima SP12 sebagai saksi yang bercakap benar? Pendekatan yang perlu diambil oleh mahkamah bicara di dalam menilai kebolehpercayaan saksi-saksi telah pun diputuskan dalam banyak autoriti termasuk oleh mahkamah yang tertinggi dalam hierarki E kehakiman di negara ini dan juga di luar negara. Privy Council telah memutuskan bahawa ujian sebenar untuk menerima atau menolak keterangan seseorang saksi ialah bagaimana konsistennya keterangan saksi itu dengan sendirinya, bagaimana tahannya keterangan itu dalam proses pemeriksaan balas dan sejauh mana keterangan saksi itu sesuai dan konsisten F dengan keterangan-keterangan lain serta keadaan kes tersebut (lihat *Bhojraj v Sitaram* AIR 1936 PC 60). Tergugat atau tidaknya keterangan seorang saksi itu dalam pemeriksaan balas bukanlah ujian muktamad yang semestinya menjadi penentu kepada kebolehpercayaan. Kebarangkalian semula jadi (inherent probability) atau sebaliknya sesuatu fakta yang menjadi isu mestilah G menjadi pertimbangan utama (lihat *Muniandy & Ors v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 257). Percanggahan-percanggahan sering terdapat dalam setiap kes. Di dalam menimbangkan percanggahan-percanggahan tersebut mahkamah hendaklah menentukan sama ada percanggahan-percanggahan tersebut mempunyai ciri yang meranapkan keterangan yang berkenaan lantas H menjadikannya tidak bernilai serta tidak boleh dipercayai (lihat *De Silva v Public Prosecutor* [1964] MLJ 81).

[9] Seterusnya kami beralih kepada keterangan dalam kes di hadapan mahkamah ini. Perkara utama yang ditimbulkan oleh peguam perayu dalam I pemeriksaan balas SP12 yang panjang lebar dan seterusnya dalam hujah beliau, ialah bahawa pada masa yang material SP12 terlalu mabuk dan tidak sedar apa yang berlaku. Sehubungan ini peguam telah merujuk kepada keterangan pegawai penyiasat (SP15) yang menyatakan dalam penyiasatannya ada saksi awam yang nampak SP12 terjatuh di tepi jalan

kerana mabuk, tetapi SP12 menafikannya. Peguam berhujah bahawa ini bererti bahawa SP12 telah bercakap bohong. Dalam keterangannya semasa disoal balas, SP12 mengakui bahawa memang dia mabuk pada malam kejadian tetapi dia masih ingat apa yang berlaku. SP12 menyatakan bahawa dia mabuk tetapi tidak serius. Apabila disoal semula oleh timbalan pendakwa raya, SP12 telah memberikan keterangan berikut:

Q: Dalam pemeriksaan balas kamu ada kata kamu mabuk tetapi masih boleh ingat apa yang berlaku — macam mana boleh ingat.

A: Saya cuma mabuk ringan saja, masih boleh ingat apa yang berlaku. Saya telah mula minum arak sejak tahun 1970an tetapi tidak kuat. Mula minum dengan kuat sejak tahun 1980an.

Q: Apakah yang kamu maksudkan mabuk ringan.

A: Malam itu saya mabuk ringan. Maksudnya masih sedarkan diri. Mabuk berat lupakan diri. Bila mabuk ringan saya boleh control diri — sedar orang marah atau maki kita.

Setelah menimbangkan keterangan SP12 itu dan menilainya dengan keterangan-keterangan lain dalam kes ini, hakim bicara telah membuat kesimpulan fakta bahawa pada masa yang material SP12 tidak terlalu mabuk sehingga tidak sedar atau tidak mengetahui apa yang berlaku di sekitarnya, kerana dia adalah seorang peminum minuman keras yang berpengalaman yang telah minum minuman keras sejak dari tahun 1970an lagi. Selanjutnya, hakim bicara telah menimbangkan keterangan SP12 tentang apa yang berlaku sebelum, pada masa dan selepas kejadian pada malam tersebut dan membuat kesimpulan fakta bahawa walaupun SP12 mabuk pada masa yang material, dia masih boleh mengawal dirinya dan sedar serta tahu apa yang berlaku di sekelilingnya. Hakim bicara memutuskan bahawa SP12 adalah saksi yang bercakap benar:

> Jatuh terbaring (walaupun tidak akui oleh SP12) tidak bermakna SP12 dalam keadaan terlalu mabuk sehingga tidak sedar apa yang berlaku di sekitarnya. Keterangan beliau dari restoran makanan laut, di Selama, Perak, sehingga ke tempat kejadian — adalah jelas. Keterangan SP12 bahawa T1 yang memandu pick-up, Lim duduk di sebelah T1, si mati berbaring di tempat duduk di belakang T1, beliau dan T2 berbaring di belakang pick-up, pick-up kemudiannya berhenti di sekatan jalanraya — semua keterangan SP12 ini disokong oleh T1, T2 dan Lim Tee San dan 2 anggota polis SP7 dan SP8 yang membuat sekatan jalanraya. Ini menunjukkan walaupun SP12 mabuk beliau masih boleh mengawal dirinya serta sedar dan tahu apa yang berlaku di sekelilingnya. Beliau adalah seorang saksi yang bercakap benar.

[10] Setelah meneliti sendiri keseluruhan keterangan SP12 dan keterangan-keterangan lain dalam kes ini, kami tidak fikir hakim bicara telah membuat kesilapan atau melakukan salah arah dalam membuat

kesimpulan-kesimpulan tersebut. Malahan kami dapati apa yang telah diputuskan oleh hakim bicara itu disokong oleh autoriti-autoriti yang telah diputuskan oleh mahkamah yang tertinggi di negara ini. Dalam kes *Francis Anthonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 AMR 750, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan bahawa walaupun keterangan saintifik tentang analisa sampel darah dan air kencing yang menunjukkan tahap alkohol yang ada dalam badan boleh membuktikan fakta mabuk, keputusan analisa tersebut adalah tidak konklusif untuk menunjukkan tahap sebenar mabuknya seseorang itu. Individu-individu yang berbeza akan menunjukkan tindak balas yang berbeza kepada alkohol yang sama banyaknya dalam tubuh mereka. Ada perbezaan yang besar di antara seseorang peminum arak yang berpengalaman dengan seorang peminum arak yang tidak berpengalaman:

> Scientific evidence to prove intoxication can be provided by an analysis of blood and urine samples which will show the level of alcohol in the body. However, it must be observed that such results are not conclusive to determine the degree of intoxication of a person. As Chao Hick Tin JC said in *Public Prosecutor v Ramasamy a/l Sebastian* [1991] 1 MLJ 75 at p 81:
>
> > *In any event, from the evidence of the experts, the blood alcohol level itself can never be conclusive to determine the degree of intoxication of the accused. Different people react differently to the same blood alcohol level. It makes a great difference whether the person is or is not an experienced drinker. In our judgment, and here we accept the opinion of Dr Chan (PW15), the more reliable indicator of the state of mind of the accused must be the conduct of the accused immediately prior to and after the offence*. (Penekanan ditambah.)

Dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa keterangan terbaik untuk membuktikan keadaan minda seorang yang mabuk ialah kelakuannya sebelum, pada masa dan selepas kejadian:

> The best evidence to establish his state of mind is his conduct prior to, at the time of and after the offence as different people react differently to the same blood alcohol level.

[11] Pendekatan yang serupa juga telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam *Public Prosecutor v Awang Raduan bin Awang Bol* [1998] 5 MLJ 460 (disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Awang Raduan Awang Bol* [2005] 1 CLJ 649) dan *Kenneth Fook Mun Lee v Public Prosecutor* [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359. Dalam kes *Kenneth Fook Mun Lee v Public Prosecutor*, Mahkamah Persekutuan telah mempersetujui kesimpulan berikut yang telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan:

> We are of the view that *even if the respondent was intoxicated as found by the learned judge, on the evidence he was not in a highly advanced stage of drunkenness as not to know what he was doing* ... (Penekanan ditambah.)

Mahkamah Rayuan telah membuat kesimpulan tersebut selepas menimbangkan kelakuan responden sebelum, pada masa dan selepas kejadian.

[12] Dalam kes di hadapan kami, dari segi fakta kami bersetuju dengan kesimpulan yang telah dibuat oleh hakim bicara bahawa keterangan SP12 dari restoran makanan laut di Selama hingga ke tempat kejadian adalah jelas. Kami dapati dari keterangannya SP12 telah dapat mengingati dan memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi bahawa — dari restoran tersebut perayu memandu pick-up tersebut dengan Lim duduk di sebelahnya, si mati berbaring dalam kabin di belakang tempat duduk hadapan. Manakala SP12 sendiri dan tertuduh kedua duduk di belakang pick-up tersebut. Seterusnya SP12 telah memberikan keterangan bahawa pick-up tersebut telah berhenti di sekatan jalanraya polis dan sejurus kemudian telah meneruskan perjalanannya semula. Kemudian SP12 masih ingat dan telah memberikan keterangan bahawa dia rasa pick-up tersebut terhoyong-hayang dan dia percaya pick-up tersebut sedang bergerak ikut jalan track dan melalui satu kawasan gelap. SP12 juga ingat apabila pick-up tersebut berhenti lagi di satu tempat di mana dia telah meninggikan kepalanya dan ketika itulah, dengan cahaya daripada lampu *parking* pick-up tersebut dia telah nampak perayu yang sedang berdiri di luar pick-up tersebut di sebelah kanan kepala si mati, menghayun satu objek (sama ada kayu atau besi) beberapa kali ke dalam kabin di mana si mati sedang berbaring dan ini diikuti oleh jeritan — 'ayo', 'ayo'. SP12 ingat bahawa pada masa itu pintu kanan dan kiri kabin pick-up tersebut terbuka. Si mati terbaring di *seat* dalam kabin itu dengan kepalanya menghala ke pintu kanan. Pada masa itu Lim berdiri di sebelah kiri pick-up di hujung kaki si mati. Manakala tertuduh kedua pula berada di belakang pick-up itu bersama SP12. SP12 ingat dan memberikan keterangan bahawa selepas perayu menghayun objek tersebut beberapa kali, Lim berteriak kepada tertuduh kedua, 'Ane mari tolong angkat' dan kemudian SP12 nampak Lim, tertuduh kedua dan perayu mengangkat si mati keluar dari kabin pick-up tersebut dan meletakkannya di tepi jalan. SP12 ingat bahawa tempat itu adalah kawasan estet. SP12 ingat bahawa selepas si mati diletakkan di tepi jalan itu, perayu telah memandu pick-up tersebut dengan Lim di sebelahnya dan beredar dari situ. Tertuduh kedua duduk di belakang pick-up tersebut bersama SP12. Dalam penghakiman kami jika SP12 berada dalam keadaan terlalu mabuk (highly advanced stage of drunkenness), dia tidak mungkin dapat mengingati apa yang telah dilakukannya dan apa yang disaksikannya telah berlaku dari restoran makanan laut sehingga di kawasan estet di mana si mati telah ditinggalkan di tepi jalan pada malam yang berkenaan.

[13] Dalam menilai kredibiliti SP12, hakim bicara juga telah mempertimbangkan soal SP12 ditangkap dan direman 14 hari kerana disyaki terlibat. Dalam pemeriksaan balas SP12, peguam perayu telah mengajukan

soalan-soalan untuk menunjukkan bahawa SP12 telah memberi keterangan bukan kerana sukarela tetapi kerana dipaksa oleh polis, dan oleh itu dia telah memberikan keterangan sepertimana yang telah diberikannya di Mahkamah Tinggi untuk melepaskan dirinya. Dalam keterangannya SP12 telah menafikan dakwaan peguam tersebut dan dia telah tidak berganjak dalam keterangannya bahawa dia bercakap benar dan bahawa dia memberitahu mahkamah apa yang dia nampak. Setelah menilai keterangan SP12 ketika disoal balas tentang dakwaan peguam perayu itu, hakim bicara mendapati bahawa kredibiliti SP12 tidak terjejas. Dalam pandangan kami hakim bicara berhak membuat kesimpulan tersebut. Dalam pengamatan kami, ketelusan dan kejituan SP12 memberitahu mahkamah apa yang telah disaksikannya terserlah apabila keseluruhan keterangannya dinilai. Kami tidak mendapati apa-apa yang menunjukkan bahawa SP12 sengaja menokok tambah keterangannya untuk menguatkan lagi kes pihak pendakwaan. Misalnya dia boleh menokok tambah tentang peranan yang lebih berat dimainkan oleh tertuduh kedua dalam pembunuhan si mati. Dia juga boleh menokok tambah keterangannya terhadap perayu untuk memberatkan lagi kes terhadapnya. SP12 berpeluang berbuat demikian tetapi dia tidak melakukannya. Misalnya, lihat bahagian berikut dalam pemeriksaan balas SP12 oleh peguam:

Q: *Kamu lihat T1 menghayun* tetapi tidak melihat T1 mencederakan si mati.

A: Setuju.

Kepada soalan yang berkenaan SP12 boleh memberikan jawapan bahawa dia bukan sahaja nampak perayu (T1) menghayun tetapi juga mencederakan si mati. Tetapi itu telah tidak dilakukan oleh SP12. Dia memberikan keterangan tentang apa yang dapat dilihatnya dari kedudukannya di belakang pick-up tersebut. Soalan dan jawapan dalam petikan yang tersebut di atas juga memberikan satu contoh bahawa pemeriksaan balas SP12 sebenarnya menguatkan lagi keterangannya dalam pemeriksaan utama bahawa dia nampak perayu menghayun suatu objek ke dalam kabin beberapa kali. Ini menambahkan lagi kredibiliti SP12.

[14] Hakim bicara juga telah menolak hujah peguam perayu bahawa SP12 adalah seorang rakan jenayah (accomplice) ataupun *accessory after the fact* (aksesori selepas fakta) yang memerlukan keterangannya disokong. Menurut hakim bicara, ini adalah kerana SP12 tidak terlibat dalam pembunuhan si mati sama ada sebelum, pada masa atau selepas kejadian bunuh berlaku. Setelah menimbangkan keterangan dalam kes ini, kami memutuskan bahawa hakim bicara tidak membuat kesilapan dalam membuat kesimpulan sedemikian. Dalam pengamatan kami adalah jelas bahawa fakta-fakta dalam kes *Harcharan Singh & Anor v Public Prosecutor* [2005] 1 MLJ 593; [2005] 1 CLJ 11 yang dikemukakan oleh peguam perayu untuk menyokong

hujahnya, amat berbeza daripada fakta-fakta dalam rayuan ini. Dalam kes *Harcharan Singh v Public Prosecutor* itu, mahkamah ini mendapati keterangan SP9, iaitu, saksi utama pihak pendakwa menunjukkan bahawa dia telah membantu melonggarkan tali yang terikat pada leher si mati. Ini berlaku selepas tali tersebut digunakan oleh tertuduh pertama dan tertuduh kedua untuk menjerut leher si mati dengan kedua-dua tertuduh masing-masingnya menarik kedua-dua hujung tali tersebut. Kemudian SP9 telah membantu tertuduh kedua mengangkat badan si mati ke dalam *boot* kereta yang telah dibuka dan dipegang oleh tertuduh pertama. Apabila kereta tersebut bergerak, SP9 duduk di tempat duduk hadapan sebelah tertuduh pertama yang memandu kereta tersebut, dengan tertuduh kedua duduk di tempat duduk belakang. Kemudian apabila kereta tersebut berhenti, SP9 dan tertuduh kedua membawa turun mayat si mati dan menghumbankannya. Selepas itu SP9 tidak memberitahu sesiapa tentang apa yang berlaku. Dalam keterangannya SP9 juga mengaku bahawa dia telah tidak dituduh dalam kes itu kerana dia telah bersetuju untuk menjadi saksi bagi pihak pendakwaan. Pada hemat kami, dengan fakta-fakta yang sedemikian itu memanglah wajar mahkamah ini memutuskan bahawa peranan yang dimainkan oleh SP9 bukanlah pasif dan bahawa dia adalah aksesori selepas fakta dan bahawa keterangannya itu memerlukan sokongan. Sehubungan ini mahkamah ini menyatakan:

> What remains to be considered is whether the role played by PW9 requires his evidence to be corroborated. He helped to loosen the rope around the deceased's neck. He helped to carry the body of the deceased to the boot of the car. When the car was driven off he sat as a passenger in the front seat. When the car later stopped PW9 and the second accused carried the deceased's body and dumped it. After that he did not mention what he knew to anyone. It is clear that the role played by PW9 is not passive. He was an active accessory after the fact. Where a witness plays such an active role his evidence is no better than that of an accomplice (see *Alimuddin v R* 23 C 361). A similar view has been expressed in the case of a witness who admits that he is cognisant of the crime to which he testifies and took no steps to prevent or disclose it (see *R v Chando* 24 WR Cr 55; *Bahari v State* AIR [1957] Or 260). The need to treat PW9's evidence with caution is made stronger by the fact that he said that he was not charged as he had agreed to become a witness for the prosecution. In support we refer to cases such as *Amar v R* AIR [1931] L 406 and *Indar v R* AIR [1931] L 408 where it was held that the testimony of a person who has thrown to the wolves his erstwhile associates and friends in order to save his own skin must be received with great caution. In the circumstances it was our view that the evidence of PW9 requires to be corroborated.

[15] Walaupun hakim bicara memutuskan bahawa keterangan SP12 tidak memerlukan sokongan, kami dapati hakim bicara telah juga memutuskan bahawa terdapat keterangan bebas yang menyokong keterangan SP12. Dalam penghakimannya hakim bicara menyatakan:

A Di samping itu terdapat juga keterangan bebas yang menyokong keterangan SP12.

SP16, ahli kimia dan pakar DNA mengesahkan darah yang terdapat pada dua contoh swab P9A adalah daripada sumber yang sama dengan darah yang terdapat pada buku *yellow pages* (P23A) iaitu darah si mati. Ini berdasarkan laporan kimia (P30).

B Berdasarkan keputusan DNA ini dapat disimpulkan bahawa darah yang terdapat pada buku *yellow pages* itu adalah darah si mati. Manakala corak atau *patent* darah tersebut adalah berkeadaan terpercik.

Keputusan DNA ini menyokong keterangan SP12 yang beliau melihat T1 berdiri di luar tepi sebelah kanan pick-up menghayun objek seperti kayu atau besi di C dalam kabin tempat duduk belakang pick-up. Ketika itu pintu belakang kiri dan kanan pick-up terbuka. Si mati ketika berbaring di tempat duduk belakang dengan kepala menghala ke pintu kanan.

Keterangan SP12 juga diperkukuhkan lagi dengan gambar P3K dan T yang menunjukkan buku *yellow pages* P23A yang mengandungi percikan darah si mati D di belakang tempat duduk pemandu iaitu di sebelah kanan di mana kepala si mati berada. Keterangan ini tidak dicabar oleh pembelaan.

[16] Selanjutnya, menurut hakim bicara keterangan SP12 yang didapatinya E jelas tentang apa yang berlaku di restoran makanan laut hingga ke tempat kejadian juga disokong oleh keterangan bebas seperti berikut. Keterangan SP12 bahawa perayu memandu pick-up tersebut dengan Lim duduk di sebelahnya, si mati baring dalam kabin dan SP12 dan tertuduh kedua baring di belakang pick-up tersebut dan pick-up tersebut berhenti di sekatan jalan F raya, kesemuanya disokong oleh percakapan perayu (dalam D2), percakapan tertuduh kedua (dalam D3), percakapan Lim (dalam D4) dan keterangan dua orang anggota polis, iaitu, SP7 dan SP8 yang membuat sekatan jalan raya. Kami bersetuju dengan kesimpulan yang dibuat oleh hakim bicara itu. Walaupun keterangan sokongan tersebut tidak mengesahkan setiap butir G material dalam keterangan SP12, keterangan sokongan tersebut adalah keterangan tambahan yang menguatkan keterangan SP12 dan menjadikannya semunasabahnya selamat untuk mahkamah bertindak ke atasnya (lihat *Yap Ee Kong & Anor v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 144; *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658; *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* H [1970] 2 MLJ 143).

[17] Akhirnya, setelah menimbangkan keseluruhan keterangan SP12 yang nyata tidak tergugat atau goyah walaupun telah disoal balas dengan panjang lebar dan setelah menyaksikan tingkah laku SP12 ketika memberi I keterangan, hakim bicara memutuskan bahawa SP12 adalah saksi yang bercakap benar. Sehubungan ini hakim bicara menyatakan:

> Daripada pengamatan mahkamah selepas SP12 disoal balas bertubi-tubi selama dua hari dan meneliti *demeanour* SP12 ketika memberi keterangan, mahkamah berpuashati SP12 adalah seorang saksi yang bercakap benar. Keterangannya adalah

jelas dan tegas. Beliau hanya memberitahu apa yang beliau lihat dan dengar. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dari keputusan kes ini. Kredibilitinya sebagai saksi langsung tidak tergugat.

[18] Dalam perkara tentang kebolehpercayaaan, kami mesti menghormati pandangan hakim bicara terutama apabila seperti yang telah dilakukan dalam kes ini, hakim bicara telah memberikan alasan-alasan yang meyakinkan kenapa beliau menerima keterangan SP12. Untuk menilai kebolehpercayaan saksi-saksi hakim bicara berada dalam keadaan yang lebih baik daripada kami yang menghakimkan kes ini di peringkat rayuan dengan bergantung kepada keterangan-keterangan yang ada dalam rekod rayuan (lihat *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 AMR 2611). Nada suara yang meluahkan keterangan yang benar atau nada suara yang menyatakan keterangan palsu secara umumnya lebih dapat dikesan oleh hakim yang mendengar serta melihat saksi-saksi memberikan keterangan. Hal ini dinyatakan oleh Lord Hoffmann dalam *Ryan v Jarvis* [2005] UKPC 27:

> It is of course most unusual for an appellate tribunal to reverse a trial judge's findings on credibility on the ground that the evidence which he rejected has the ring of truth. The true or false note is generally more audible to the judge who hears and sees the witnesses than to the appellate court reading the record.

[19] Dalam *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 275 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The Privy Council said in *Caldeira v Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong.

[20] Begitulah juga kedudukannya dalam kes ini. Setelah menimbangkan sendiri dengan teliti keterangan yang ada dalam rekod rayuan kes ini, kami memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi kesalahan membunuh si mati seperti mana dalam pertuduhan pindaan.

PEMBELAAN

[21] Intipati keterangan perayu (SD1) adalah serupa dengan keterangan SP12 tentang apa yang berlaku dari tapak baru kedai todi SP5 di mana perayu, tertuduh kedua, Lim, SP12 dan si mati bersama-sama bekerja

membersihkan belukar sehingga ke restoran di Serdang di mana tertuduh kedua, Lim, si mati dan SP12 telah minum minuman keras. Menurut keterangan perayu pada lebih kurang jam 12 malam, perayu memandu pick-up tersebut dan beredar dari restoran tersebut dengan Lim di sebelahnya, si mati duduk di dalam kabin dan tertuduh kedua dan SP12 duduk di belakang pick-up tersebut. Menurut perayu dalam perjalanan pick-up tersebut telah ditahan oleh polis. Kemudian mereka meneruskan perjalanan dan pada lebih kurang jam 12.30 pagi perayu telah menurunkan si mati (yang pada masa itu mabuk) di kawasan kedai todi di Selama, Perak kerana si mati hendak turun di situ. Selepas itu perayu, tertuduh kedua, Lim dan SP12 balik ke rumah perayu di Parit Buntar. Apabila tiba di rumah perayu, Lim terus balik ke rumahnya dengan menaiki motosikal. Menurut perayu, oleh sebab terlalu mabuk SP12 terus tidur di belakang pick-up tersebut. Manakala tertuduh kedua pula balik ke rumahnya. Perayu menafikan dia telah membunuh si mati. Perayu menyatakan bahawa dia tidak masuk ke mana-mana kawasan ladang. Perayu menafikan dia telah menghayun suatu objek ke dalam kabin, mencederakan si mati atau mengangkat si mati keluar dari kabin pick-up tersebut dan meletakkan si mati di tepi jalan. Dalam pemeriksaan balas, perayu mengakui bahawa SP12 tidak mempunyai sebab untuk menganiayanya kerana dia telah melayan SP12 dengan baik semasa SP12 bekerja dengannya sebagai pencuci kereta. Apabila disoal balas oleh timbalan pendakwa raya bahawa apabila balik dari Serdang dia sepatutnya menghantar si mati ke rumah bapanya di Serdang bukan di Selama, perayu menjelaskan bahawa si mati yang minta dihantar balik ke rumah kongsi kerana dia mabuk dan takut dimarahi oleh SP5. Berikutan itu timbalan pendakwa raya telah menyatakan (put) kepada perayu apabila sampai di Selama perayu tidak turunkan si mati di rumah kongsi sebaliknya perayu telah bawa si mati ke Ladang Gagoss seperti yang ditunjukkan di gambar P1A-V. Perayu menjawab, 'saya turunkan si mati betul-betul di hadapan pintu pagar gambar P1M'. Di hadapan pintu pagar seperti yang ditunjukkan dalam gambar P1M (pintu pagar Ladang Gagoss) bukan rumah kongsi, tetapi adalah tempat yang terletak hanya beberapa kaki dari tempat si mati ditemui oleh SP3 tertiarap di tepi jalan di hadapan Ladang Gagoss, Selama. Jika benar seperti yang didakwa oleh perayu bahawa si mati meminta dihantar balik ke rumah kongsi, perayu sepatutnya memberikan penjelasan kenapa dia tidak menghantar si mati ke rumah kongsi. Ini telah tidak dilakukan oleh perayu.

[22] Keterangan SD2 tentang apa yang berlaku dari tapak baru kedai tuak SP5 hingga ke restoran di Serdang adalah serupa secara intipatinya dengan keterangan SP12. Keterangan SD2 tentang kedudukannya, perayu, Lim, SP12 dan si mati dalam pick-up tersebut selepas mereka bertolak dari restoran tersebut adalah juga serupa dengan keterangan SP12. Menurut SD2, perayu memandu pick-up tersebut, Lim duduk di sebelahnya dan si mati duduk dalam kabin. Manakala dia sendiri dan SP12 baring di belakang

pick-up tersebut. Walaupun pada awalnya SD2 menyatakan bahawa SP12 tidak sedarkan diri (yang menurut SD2 bermaksud pengsan), di bahagian lain keterangannya SD2 menyatakan dalam perjalanan menuju ke arah Selama, Perak, SP12 telah menjerit dan melompat dalam pick-up tersebut. Meneruskan keterangannya SD2 menyatakan:

> selepas saya terjaga saya lihat ada sekatan jalan raya oleh polis. Selepas itu kami meneruskan perjalanan. Selepas itu T1 kejutkan saya dari tidur dan saya bangun dan dapati kami sudah sampai di rumah bapa saya di Parit Buntar.

[23] Dalam keterangannya juga SD2 mengakui bahawa D3 adalah percakapannya. Seterusnya, apa yang berlaku dalam pemeriksaan utama SD2 mengenai D3 adalah penting. Kami paparkan bahagian yang berkenaan dalam nota prosiding:

> **Mahkamah**
>
> Setelah D3 dibacakan kepada saksi, saksi mengatakan ada perbezaan kandungan.
>
> t.t. Hakim Bicara
>
> Perbezaan ialah di muka surat 4 baris 48 hingga baris 53. *Apa yang berlaku ialah selepas sekatan polis saya terus tertidur hingga sampai di rumah*. (Penekanan ditambah.)

Merujuk kepada apa yang berlaku itu, dalam penghakimannya hakim bicara menyatakan:

> SD2 kemudiannya melalui peguam bela cuba membuat permohonan untuk membetulkan kandungan percakapan beramarannya (D3) di ms 4 baris 48-53 yang berbunyi:
>
> > Kumaran (Tertuduh 1) telah memandu motokar ke arah Selama. Kemudian motokar telah berhenti kerana ada sekatan jalan raya. Masa itu Non (SP12) ada buat kecoh sedikit dan saya juga turun dari kereta. Selepas itu kami meneruskan perjalanan. Lepas lebih kurang 15 minit perjalanan, dan dapati motokar TATA itu telah berhenti di satu tempat. Kemudian kereta itu telah berundur sedikit (masa itu kepala saya terantuk sedikit) dan berhenti. Selepas lebih kurang 10 minit, saya dengar bunyi pintu kereta ditutup.

Ayat yang digaris ialah ayat yang hendak dipinda oleh SD2 kepada:

> Apa yang berlaku ialah selepas sekatan polis, saya terus tertidur hingga sampai ke rumah

Timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah membantah permohonan untuk membuat pindaan ini.

(Mahkamah telah mengarahkan kedua-dua timbalan pendakwa raya dan peguam bela berhujah mengenai isu pindaan ini di akhir kes pembelaan. Bagaimanapun kedua-dua pihak tidak membuat sebarang hujah mengenainya. Mahkamah menganggap pihak pembelaan tidak lagi ingin meneruskan dengan ini).

Apa yang jelas ialah percubaan SD2 untuk meminda percakapan di atas adalah kerana percakapan asalnya itu menyokong keterangan SP12 yang mengatakan:

> 'Saya rasa pick-up jalan terhoyong-hayang. Saya percaya pick-up ikut jalan track, melalui jalan gelap. Bila sampai di satu tempat pick-up itu berhenti.

(Lihat ms 43 nota keterangan).

Ini adalah satu percubaan oleh SD2 untuk menyelamatkan T1 daripada pertuduhan membunuh. SD2 adalah saksi yang mempunyai kepentingan.

Dalam pandangan kami hakim bicara berhak membuat kesimpulan tersebut. Bagi kami apa yang jelas ialah keterangan SD2 dalam mahkamah, iaitu, 'Apa yang berlaku ialah selepas sekatan polis saya terus tertidur hingga sampai di rumah', bercanggah dengan percakapannya dalam D3 (di baris 48–53) di mana SD2 menyatakan:

> Kumaran (Tertuduh 1) telah memandu motokar ke arah Selama. *Kemudian motokar telah berhenti kerana ada sekatan jalan raya*. Masa itu Non (SP12) ada buat kecoh sedikit dan *saya juga turun dari kereta. Selepas itu kami meneruskan perjalanan. Lepas lebih kurang 15 minit perjalanan, dan dapati motokar TATA itu telah berhenti di satu tempat. Kemudian kereta itu telah berundur sedikit (masa itu kepala saya terantuk sedikit) dan berhenti. Selepas lebih kurang 10 minit, saya dengar bunyi pintu kereta ditutup*.

Dalam pengamatan kami percanggahan tersebut adalah percanggahan yang material tentang perkara penting yang menjejaskan kebolehpercayaan SD2. Perkara penting tersebut ialah apa yang berlaku selepas pick-up tersebut bergerak semula daripada sekatan jalanraya polis. Menurut keterangan SP12 dalam perjalanan selepas sekatan jalanraya itulah dia rasa pick-up tersebut terhoyong-hayang dan percaya bahawa ia melalui jalan track sebelum berhenti di satu tempat di mana perayu menghayun suatu objek ke dalam kabin pick-up tersebut beberapa kali. Seperti yang dinyatakan oleh hakim bicara dalam penghakimannya, keterangan SP12 ini disokong oleh percakapan SD2 dalam D3 seperti yang tersebut di atas. Hakim bicara memutuskan bahawa tindakan SD2 itu adalah percubaannya untuk menyelamatkan perayu daripada tuduhan yang dihadapinya. Kami tidak dapat menolak rumusan hakim bicara itu sebagai tidak munasabah. Sayugia diingat bahawa semasa SD2 memberikan keterangannya di Mahkamah Tinggi, dia telah pun dibebaskan daripada pertuduhan dan tiada rayuan difailkan oleh pendakwa raya Malaysia terhadap pembebasan itu. Jadi, SD2 tidak rugi apa-apa. Percanggahan dalam keterangan SD2 tidak terhenti di situ. Tanpa disedari oleh SD2 dia telah terperangkap dengan lebih teruk lagi dalam percanggahan dalam keterangannya. Ini adalah kerana keterangan

SD2 dalam mahkamah, 'Apa yang berlaku ialah selepas sekatan polis saya terus tertidur hingga sampai di rumah' sebenarnya bercanggah juga dengan keterangannya dalam mahkamah yang telah diberikannya lebih awal iaitu:

Q: Adakah pick-up berhenti dan Lim Tee San kata 'Ane mari tolong angkat.

A: Tidak ada.

Q: Adakah dalam perjalanan selepas road block kamu tolong Lim Tee San dan T1 turunkan si mati dari pick-up.

A: Tidak ada.

Q: Pada malam 21.3.05 antara jam 11.30 malam sehingga 22.3.05 jam 7.00 pagi adakah kamu melihat T1 menghayun objek dalam pick-up itu.

A: Tidak ada.

Q: Adakah kamu dengar 'ayo' 'ayo' dari pick-up semasa dalam perjalanan ke Selama.

A: Tidak ada.

Dalam penghakimannya, hakim bicara menyatakan bahawa jawapan-jawapan SD2 kepada kesemua soalan-soalan dalam petikan yang tersebut di atas sepatutnya ialah 'tidak tahu', bukannya 'tidak ada' kerana SD2 telah menyatakan dalam keterangannya bahawa selepas sekatan jalanraya dia tertidur hingga sampai ke rumahnya. Jadi, dia tidak mengetahui apa yang berlaku. Menurut hakim bicara, ini bererti bahawa keterangan SD2 dalam petikan itu adalah tidak benar dan jelas menunjukkan bahawa SD2 ingin menyelamatkan perayu (adiknya) daripada pertuduhan dalam kes ini. Pada hemat kami, dalam keadaan keterangan SD2 sepertimana yang kami huraikan sebentar tadi, hakim keterangan SD2 sepertimana yang kami huraikan sebentar tadi, hakim bicara telah tidak membuat kesilapan dalam membuat kesimpulan tersebut.

[24] Kami dapati bahawa hakim bicara telah mempertimbangkan dengan secukupnya pembelaan perayu yang berupa penafian dan membuat penilaian yang maksima ke atas kesemua keterangan yang telah diberikan dalam kes ini. Akhirnya, hakim bicara mendapati bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Oleh itu beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah bagi kesalahan membunuh dan mendapatinya bersalah serta mensabitkannya atas kesalahan tersebut sepertimana dalam pertuduhan pindaan.

A **[25]** Kami telah mempertimbangkan dengan cermat keterangan dalam rekod rayuan dan penghakiman hakim bicara. Kami berpuas hati bahawa sabitan terhadap perayu adalah selamat. Oleh itu rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya disahkan.

B *Rayuan ditolak.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum

C

D

E

F

G

H

I